



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

NAMA KURSUS	:	TEORI SENIBINA 2
KOD KURSUS	:	DSB2163
PEPERIKSAAN	:	APRIL 2019
MASA	:	2 JAM 30 MINIT

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi TIGA (3) bahagian:
 - BAHAGIAN A (10 Markah)
 - BAHAGIAN B (60 Markah)
 - BAHAGIAN C (30 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Kertas Jawapan Objektif
 - iii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU
KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 7 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN



BAHAGIAN A (10 MARKAH)

Bahagian ini mengandungi **SEPULUH(10)** soalan.

Jawab **SEMUA** dalam Kertas Soalan.

1. Dalam Senibina Rumah Melayu, Rumah Perabung Limas dipengaruhi oleh unsur-unsur dari _____
 - A India dan China.
 - B Bugis dan Belanda.
 - C Thailand dan Filipina.
 - D Portugis dan Inggeris.

2. Struktur bumbung Rumah Melayu yang paling ringkas adalah jenis _____
 - A Rumah Selang.
 - B Perabung Perak.
 - C Rumah Perabung Lima.
 - D Rumah Perabung Panjang.

3. Apakah kelebihan Rumah Gajah Menyusu?
 - A Bentuknya yang panjang dan ringkas.
 - B Mempunyai *courtyard* di tengah ruang rumah.
 - C Ruang boleh ditambah mengikut pertambahan ahli keluarga.
 - D Struktur rumah adalah mudah dibina kerana bentuknya yang panjang.

4. Berikut adalah ciri-ciri Rumah Minangkabau:
 - i. Pintu rumah dibina rendah.
 - ii. Banyak terdapat di Negeri Sembilan.
 - iii. Mempunyai bumbung yang melengkung.
 - iv. Mempunyai *courtyard* di tengah ruang rumah.
 - A i,iii
 - B i,ii,iii
 - C ii,iii,iv
 - D i,iii,iv

5. Bagaimanakah elemen sungai mempengaruhi pembinaan Rumah Melayu?

- A Memberikan imej klasik kepada Rumah Melayu.
- B Bahan binaan mudah didapati di kawasan sungai.
- C Lantai perlu dibina tinggi untuk mengelakkan banjir.
- D Memudahkan penghuni mendapatkan sumber makanan.

6. Berikut adalah ciri-ciri Seni Bina Kolonial Inggeris:-

- i Mempunyai tiang yang besar.
- ii Mempunyai tiang yang runcing.
- iii Mempunyai gerbang lengkung (arch).
- iv Ukiran dan motif lebih ringkas pada bangunan.

A i sahaja

B i,ii,iii

C ii,iii,iv

D i,iii,iv

7.

Mempunyai bilik-bilik berjubin merah Belanda, dinding biru dan kasau putih, tangga yang cantik menghadap ke laut

Kenyataan di atas menggambarkan bangunan _____

A St. Paul.

B Stadhuys.

C Menara jam.

D Christchurch.

8. Pilih kenyataan yang benar mengenai Seni Bina Kolonial Inggeris di Malaysia:-
- Masjid dibina daripada konkrit.
 - Sebahagian besar bangunannya berbentuk simetri.
 - Memperkenalkan pembinaan bumbung konkrit rata bagi bangunan.
 - Bahan binaan batu-bata dan atap genting dibawa masuk oleh Arkitek Inggeris.
- A i,ii
B i,iii
C i,iv
D iii,iv
9. Bahan binaan pertama yang dibawa masuk oleh pendatang China untuk pembinaan masjid di Melaka adalah:-
- A Konkrit.
B Blok bata.
C Kayu meranti.
D Genting tanah liat.
10. Apakah kesan penaklukan Portugis terhadap Seni Bina di Tanah Melayu?
- Terbinanya bangunan bersaiz besar dan kekal.
 - Penggunaan perhiasan pada dinding bangunan.
 - Penduduk berpeluang membina kediaman mewah.
 - Bermulanya era sekular dalam kehidupan masyarakat Melayu.
- A i sahaja
B i,ii
C ii,iii
D ii,iii,iv

[10 MARKAH]

BAHAGIAN B (60 MARKAH)

Bahagian ini mengandungi **EMPAT(4)** soalan.

Jawab **semua** soalan di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Berdasarkan kepada Gambarajah 1 bincangkan **tiga(3)** ciri rumah tersebut yang menepati ciri reka bentuk iklimik untuk keselesaan penghuninya. Gunakan lakaran untuk penerangan anda dalam bentuk jadual di bawah.

Elemen	Penerangan	Lakaran

(15 markah)



Gambarajah 1 Imej sebuah Rumah Tradisional Melayu

SOALAN 2

- a. Hasil penemuan bahan binaan besi pada Kurun ke 19, nyatakan **dua(2)** buah bangunan terkemuka dunia yang menggunakan bahan besi pada ketika itu.
(2 markah)
- b. Daripada salah satu senarai jawapan di (a), terangkan dengan ringkas **dua(2)** ciri bagi bangunan tersebut.
(6 markah)
- c. Bincangkan keistimewaan yang terdapat pada ciri-ciri bangunan era Seni Bina Art Nouveau.
(7 markah)

SOALAN 3

- a. Berikan **tiga(3)** ciri gaya Seni Bina Moden yang terdapat pada hampir semua bangunannya.
(3 markah)
- b. Bauhaus adalah sekolah Seni Bina pertama yang dibina di Jerman berkonsepkan Gaya Antarabangsa Moden (*Modern International Style*). Terangkan dengan ringkas **dua(2)** ciri bangunan tersebut.
(4 markah)
- c. Frank Llyod Wright terkenal dengan falsafah Seni Bina Organiknya. Beri pendapat anda sendiri bagaimana Seni Bina Organik mempengaruhi perasaan manusia yang berada di dalamnya. Anda boleh menggunakan mana-mana sebuah bangunan rekaan Frank Llyod Wright di bawah untuk menjelaskan pendapat anda.
- i. Falling Water
 - ii. Robbie House
 - iii. Unity Church
- (8 markah)

SOALAN 4

- a. Terangkan dengan ringkas **tiga(3)** ciri utama dalam hampir kesemua reka bentuk Arkitek Moden, Le Corbusier.
(6 markah)
- b. Berikan pendapat anda berkenaan pengaruh Seni Bina *High Tech* terhadap reka bentuk bangunan berskala besar. Anda boleh menggunakan mana-mana sebuah bangunan rekaan Arkitek *High Tech* di bawah sebagai rujukan untuk menjelaskan pendapat anda:-
- i. Sir Norman Foster
 - ii. Renzo Piano
- (9 markah)

[60 MARKAH]

BAHAGIAN C (30 MARKAH)

Bahagian ini mengandungi **SATU (1)** soalan.

Jawab **SEMUA** dalam Kertas Jawapan.

SOALAN 1

- a. Terangkan dengan ringkas **dua(2)** ciri bangunan Masjid Negara yang direka bentuk oleh Dato Dr Ikmal Hisham Al Bakri.
(4 markah)
- b. Terangkan dengan ringkas bagaimana kebangkitan Revolusi Industri memberi impak kepada perkembangan Seni Bina di Tanah Melayu sebelum merdeka.
(4 markah)
- c. Terangkan dengan ringkas **dua(2)** ciri kediaman Rimbun Dahan yang direka bentuk oleh Arkitek Hijjaz Kasturi.
(4 markah)
- d. Melalui pengetahuan anda tentang Seni Bina iklimik, bincangkan **tiga(3)** persamaan di antara bangunan Mesiniaga rekaan Arkitek Ken Yeang dan Rumah Salinger rekaan Arkitek Jimmy Lim dalam mengadaptasikan aspek iklimik dalam reka bentuk kedua-dua bangunan tersebut. Gunakan lakaran untuk menjelaskan penerangan anda.
(18 markah)

[30 MARKAH]**KERTAS SOALAN TAMAT**